

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

KLAUSA PEMBUBARAN DUN

1. Fasal 56(2) – Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 memberi kuasa kepada Raja membubarkan Dewan Negeri.
2. Fasal 56(3) – Dewan Negeri berjalan selama 5 tahun dari tarikh mesyuarat yang pertama kemudiannya dibubarkan kecuali dibubarkan terlebih dahulu.
3. Fasal 56(4) – Apabila dibubarkan, Pilihan Raya hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari.

KLAUSA KEKOSONGAN DUN

1. Fasal 56(5) sesuatu kekosongan hendaklah diisi dalam tempoh 60 hari dengan syarat baki yang tinggal tidak kurang dari 2 tahun.
2. Kekosongan boleh diisi jika Speaker memberitahu SPR secara bertulis bahawa majoriti parti yang memerintah terjejas.

KLAUSA SYARAT-SYARAT MENJADI CALON DUN

1. Berumur 21 tahun.
2. Tidak hilang kelayakan sebagai ADUN (Per.48) (1).
3. Bermastautin di Negeri Sembilan.

Catatan: Kelayakan menjadi ahli Dewan jika Perlembagaan Persekutuan Perkara 48 kelayakan menjadi Ahli Dewan jika tidak hilang kelayakan menjadi Ahli Dewan.

KLAUSA MEMBATALKAN MENJADI CALON DUN

Perkara 48

- (a) Tidak sempurna akal
- (b) Seseorang bankrup
- (c) Memegang jawatan berpendapatan
- (d) Tidak menyerahkan Penyata Perbelanjaan Pilihan Raya pada penggal yang lepas atau sebagai ejen Pilihan Raya.
- (e) Disabit kesalahan oleh Mahkamah, penjara tidak kurang setahun atau denda tidak kurang RM2,000.00 dan tidak mendapat pengampunan.
- (f) Memiliki warga negara asing.

KLAUSA MENJADI DUA DEWAN

Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959 Fasal (51) – Seseorang tidak boleh jadi Ahli Dewan Negeri lebih dari satu kawasan.

- (a) ia berkeñaan dan telah didapati atau dinyatakan tiada sempurna akal;
- (b) ia seorang mufliis (bankrupt) yang belum dilepaskan;
- (c) ia memegang jawatan baru mendatangkan keuntungan;
- (d) setelah diangkat untuk masuk pilihan raya Parlimen atau Dewan Negeri atau setelah ia menjadi wakil pilihan bagi orang yang diangkatkan itu ia tiada menghantarkan penyata perbelanjaan pilihan yang dikehendaki oleh undang-undang di dalam tempohan dan mengikut cara yang dikehendaki itu;
- (e) ia telah diputuskan salah oleh Mahkamah di dalam Persekutuan (atau, sebelum Hari Malaysia, di dalam kawasan yang terkandung di dalam mana-mana Negeri Borneo atau di dalam Singapura) dan dihukum penjara selama tiada kurang daripada setahun atau denda tiada kurang daripada dua ribu ringgit dan belum mendapat pengampunan bebas;
- (f) ia tertegah menurut mana-mana undang-undang yang berkeñaan dengan kesalahan bersangkutan dengan pilihan untuk salah satu Parlimen atau untuk Dewan Negeri dengan kerana diputuskan salah fasal kesalahan itu atau didapati salah di dalam

pendakwaan yang bersangkutan dengan pilihan berkenaan dengan perbuatan yang membuktikan kesalahan itu; atau

(g) ia dengan kehendaknya memperolehi kerakyatan atau menjalankan hak kekuasaan kerakyatan di dalam negeri asing atau membuat kenyataan mengaku taat setia kepada negeri asing.

(2) Sebab yang menghilangkan kuasa atau hak mana-mana orang menurut para (d) atau para (e) di dalam Fasal (1) itu bolehlah dibuangkan seperti yang tersebut itu hendaklah terhenti pada hujung tempohan lima tahun mulai daripada tarikh yang dikehendaki menghantarkan penyata yang tersebut di dalam para (d) itu atau mengikut kejadiannya tarikh yang dilepaskan daripada tahanan orang yang diputuskan salah seperti yang tersebut di dalam para (e) itu atau tarikh yang dihukum denda yang tersebut di dalam para (e) itu di atas orang itu dan mana-mana orang-orang itu tiada tertegah menurut para (g) di dalam Fasal (1) semata-mata dengan sebab apa-apa yang diperbuatkan olehnya sebelum ia menjadi rakyat.

(3) Seseorang yang meletakkan keahliannya dalam Dewan Undangan Negeri ini atau mana-mana Negeri lain hendaklah, bagi tempoh lima tahun bermula dari tarikh perletakkan keahliannya berkuatkuasa, hilang kelayakan untuk menjadi ahli Dewan Undangan Negeri ini.

48. “ .. Mana-mana orang-orang itu tiada boleh semasa menjadi ahli Dewan Negeri bagi lebih daripada satu kawasan pilihanraya.

49. (1) Jika mana-mana ahli Dewan Negeri itu tiada layak menjadi ahli di dalam Dewan Negeri maka tempatnya hendaklah menjadi kosong.
- (2) Jika mana-mana orang tiada layak menjadi ahli Dewan Negeri itu dipilih menjadi ahli Dewan Negeri atau jika pilihan itu bercanggah dengan Perkara 48, maka pilihan itu hendaklah terbatal.
- (3) Dimansuhkan oleh Enakmen No. 9/1967.
- (4) Mana-mana orang itu tiada boleh dilantikkan dengan sah bagi pilihan untuk Dewan Negeri dengan tiada persetujuannya.
50. Mana-mana Ahli Dewan Negeri itu bolehlah berhenti daripada menjadi ahli dengan membuat surat yang ada tandatangannya yang dialamatkan kepada Speaker.
51. Jika mana-mana ahli bagi Dewan Negeri tiada hadir di dalam Dewan dengan tiada kebenaran Speaker di dalam dua kali mesyuarat berturut-turut maka tempatnya itu hendaklah menjadi kosong.
52. Jika berbangkit apa-apa soalan fasal adakah mana-mana Ahli Dewan Negeri itu tiada layak menjadi ahli maka hendaklah diambil keputusan Dewan dan itulah yang muktamad.
53. (1) Maka hendaklah Raja Pemerintah dari suatu masa ke suatu masa memanggil Dewan Negeri dan tiada boleh dibiarkan lucut tempohan 6 bulan di antara mesyuarat yang lepas di dalam satu persidangan dengan tarikh yang dipertetapkan bagi mesyuarat yang pertama di dalam persidangan yang akan datang.
- (2) Berkuasalah Raja Pemerintah boleh merentikan atau memansuhkan

Dewan Negeri

(3) Dewan Negeri itu melainkan jika dimansuhkan terdahulu lagi hendaklah berjalan terus selama lima tahun daripada tarikh mesyuaratnya yang pertama dan hendaklah termasuk di hujung tempoh itu.

(4) Apakala Dewan Negeri itu dimansuhkan maka hendaklah diadakan pilihanraya di dalam tempoh 60 hari daripada tarikh yang dimansuhkannya dan hendaklah dipanggil Dewan Negeri yang baharu bagi mengadakan mesyuaratnya pada tarikh yang tiada lewat daripada 90 hari daripada tarikh itu.

(5) Sesuatu kekosongan luar jangka hendaklah diisi dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa ada kekosongan:

Dewan syarat bahawa jika kekosongan luar jangka itu dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Negeri hendak mengikut Fasal (3) menjadi bubar, maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Speaker memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Negeri terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan itu kekosongan itu, hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima.